

Mengintegrasikan Nilai dan Strategi: Kelestarian Usahawan Siswazah dalam Peruncitan

Integrating Values and Strategy: The Sustainability of Graduate Entrepreneurs in Halal Retail

Hafidzan Faudzi*, Suhaila Nadzri & Norziah Othman

Fakulti Ekonomi, Perakaunan dan Pengurusan, Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: hafidzandfaudzi@gmail.com

ABSTRAK

Usahawan siswazah memainkan peranan penting dalam mengukuhkan ekonomi negara serta memajukan sektor peruncitan di Malaysia. Namun, tahap kelangsungan perniagaan mereka masih rendah walaupun memiliki pendidikan tinggi dan menerima pelbagai bentuk sokongan kerajaan. Maka, kajian ini bertujuan meneroka pengalaman usahawan siswazah dalam mengekalkan kelestarian perniagaan melalui empat dimensi utama: ekonomi, sosial, persekitaran dan spiritual. Kajian menggunakan kaedah kualitatif melalui temubual mendalam bersama enam usahawan graduan yang mengendalikan kedai runcit melebihi 10 tahun. Analisis tematik dilaksanakan bagi mengenal pasti pola strategik yang menyumbang kepada daya tahan perniagaan. Dapatan menunjukkan peserta memulakan perniagaan dengan modal sendiri dan dipacu keyakinan terhadap rezeki serta ketentuan Allah SWT. Fokus turut diberikan kepada kualiti produk, kebersihan premis dan kepelbagaian barangan untuk memenuhi keperluan pelanggan. Amalan infak, penyertaan dalam aktiviti komuniti dan penjagaan kebajikan pekerja didapati memperkukuh hubungan setempat. Kajian juga mengenal pasti kewujudan timbal balik sosial apabila sumbangan mereka dihargai melalui sokongan pelanggan yang berterusan. Kajian ini menyumbang kepada literatur dengan menjelaskan bagaimana integrasi dimensi spiritual berinteraksi dengan strategi ekonomi, amalan sosial dan keprihatinan persekitaran ke arah membentuk kerangka kelestarian usahawan siswazah dalam konteks peruncitan di Malaysia.

Kata Kunci: Kelestarian; Peruncitan; Siswazah; Usahawan

Received:
October 6,
2025

Revised:
October 27,
2025
November 13,
2025

Accepted:
November 24,
2025

**Online
Published:**
November 26,
2025

ABSTRACT

Graduate entrepreneurs play a vital role in strengthening the national economy and advancing the retail sector in Malaysia. However, the sustainability of their businesses remains relatively low despite their high educational background and the various forms of government support provided. Therefore, this study aims to explore the experiences of graduate entrepreneurs in sustaining their businesses through four key dimensions: economic, social, environmental, and spiritual. A qualitative approach was employed, using in-depth interviews with six graduate entrepreneurs who have operated retail shops for more than 10 years. Thematic analysis was conducted to identify strategic patterns that contribute to business resilience. The findings indicate that participants began their businesses using personal capital and were driven by strong confidence in divine sustenance and the will of Allah SWT. Emphasis was also placed on product quality, shop cleanliness, and product variety to meet customer needs. Practices such as infaq (charitable giving), involvement in community activities, and caring for employee welfare were found to strengthen local relationships. The study also identifies a form of social reciprocity, where their contributions are appreciated through continued customer support. This research contributes to the literature by demonstrating how the integration of spiritual dimensions interacts with economic strategies, social practices, and environmental awareness to shape a sustainability framework for graduate entrepreneurs within the Malaysian retail context.

Keywords: *Sustainability; Retail; Graduates; Entrepreneurs*

PENGENALAN

Pengangguran adalah masalah sejagat yang dihadapi oleh kebanyakan negara di dunia akibat kemerosotan ekonomi yang disebabkan oleh antaranya pandemik COVID-19, infrastruktur pendidikan yang tidak seimbang (Rahman et. al, 2021) dan sebagainya. Di Malaysia masalah pengangguran semakin membimbangkan dengan kadar pengangguran terutamanya dalam kalangan siswazah meningkat setiap tahun. Masalah pengangguran merupakan isu mendesak yang memberi implikasi besar terhadap pembangunan ekonomi dan kestabilan sosial. Selain itu, faktor-faktor seperti pertumbuhan ekonomi yang tidak stabil dan persaingan yang tinggi dalam pasaran kerja turut menyumbang kepada isu pengangguran ini (Amaran & Hamzah, 2021; Saiman, 2022).

Masalah pengangguran terutamanya dalam kalangan siswazah di Malaysia adalah masalah kompleks yang memerlukan pendekatan yang komprehensif daripada semua pihak. Selain daripada peningkatan kebolehpasaran melalui reformasi pendidikan dan latihan, galakan terhadap program keusahawanan merupakan solusi jangka panjang yang berpotensi tinggi. Keusahawanan adalah kemampuan seseorang individu yang kreatif, inovatif untuk mencipta sesuatu yang baharu dan berbeza serta bijak mencari peluang melalui potensi mereka (Natasya & Jabil, 2021).

Walaupun terdapat pelbagai inisiatif dan sokongan yang disediakan oleh kerajaan dan institusi pendidikan tinggi untuk menggalakkan keusahawanan dalam kalangan siswazah namun kadar kegagalan perniagaan yang dimiliki oleh siswazah masih lagi tinggi (Nooriah & Zakiah, 2017; Omar & Hassan, 2024). Justeru, adalah penting untuk meneroka cabaran-cabaran yang dihadapi oleh siswazah dalam memulakan dan mengekalkan perniagaan mereka serta mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada daya tahan dan kelestarian keusahawanan mereka.

Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka dan memahami secara mendalam pengalaman usahawan siswazah dalam mengekalkan kelestarian perniagaan runcit di Selangor dengan memberi tumpuan kepada empat dimensi utama iaitu ekonomi, sosial, persekitaran dan spiritual. Keseluruhan perbincangan ini membentuk asas konseptual untuk memahami isu yang dikaji serta arah penyelidikan yang ingin dicapai.

SOROTAN LITERATUR

Isu kelestarian keusahawanan semakin mendapat perhatian dalam kalangan sarjana, khususnya berkaitan usahawan siswazah yang semakin berperanan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial. Teori Kelestarian (*Sustainability Theory*) menekankan keperluan menyeimbangkan tiga dimensi utama iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar bagi menjamin kesinambungan jangka panjang sesebuah organisasi (Rosário et al., 2022; Abdul Rahman & Yamaludin, 2025). Dalam konteks usahawan siswazah Muslim, kelestarian bukan sahaja merujuk kepada keuntungan ekonomi, tetapi turut merangkumi penerapan nilai sosial, etika, spiritualiti serta kesedaran terhadap kelestarian alam sekitar dalam operasi perniagaan.

Kajian Singh dan Awasthy (2025) menunjukkan bahawa pendidikan keusahawanan berasaskan nilai (*value-based learning*) yang mengintegrasikan dimensi emosi dan sosial dapat meningkatkan efikasi sendiri dan kecenderungan terhadap keusahawanan sosial. Penekanan terhadap empati, khidmat komuniti dan pembelajaran berasaskan pengalaman seiring dengan dimensi sosial dalam teori kelestarian yang menuntut hubungan kukuh antara usahawan, pelanggan dan komuniti. Ini menggambarkan bahawa apabila nilai moral dan spiritual dibentuk sejak di universiti, mahasiswa lebih cenderung membina perniagaan yang memberi impak positif secara sosial di samping menjana keuntungan.

Selaras dengan itu, Ukil et al. (2025) menegaskan bahawa model kerohanian memainkan peranan penting dalam membentuk keusahawanan yang beretika dan berorientasikan kesejahteraan sejagat. Nilai spiritual seperti amanah, keikhlasan dan empati bukan sahaja meningkatkan kelestarian sosial, tetapi turut menyumbang kepada kelestarian ekonomi melalui pengukuhan reputasi dan kepercayaan pelanggan. Dapatan ini memperlihatkan bahawa spiritualiti menjadi asas pembentukan budaya perniagaan yang bertanggungjawab, dipercayai dan berdaya tahan.

Walau bagaimanapun, kelestarian ekonomi tetap menjadi cabaran utama. Penyelidikan oleh Rahman et al. (2021) dan Nordin et al. (2024) menunjukkan bahawa isu seperti akses modal, halangan birokrasi dan persaingan pasaran masih menjadi penghalang kelangsungan usahawan siswazah. Cabaran ini secara jelas menonjolkan dimensi ekonomi dalam teori kelestarian bahawa daya saing perlu diurus bersama tanggungjawab sosial untuk memastikan keseimbangan jangka panjang. Oleh itu, kombinasi antara kekuatan spiritual, kecekapan

pengurusan dan strategi ekonomi menjadi penyumbang utama kepada kelestarian perniagaan siswazah.

Menurut Tahir et al. (2024), pengintegrasian nilai agama seperti kejujuran, syukur dan amanah memberi kesan langsung terhadap strategi dan etika perniagaan. Nilai ini menjadi kompas moral yang memastikan usahawan tidak mengorbankan prinsip demi keuntungan jangka pendek. Ini selari dengan teori kelestarian yang menuntut model ekonomi beretika serta pengekalan keseimbangan sosial dalam pembangunan perniagaan.

Bagis (2022) turut menekankan bahawa pendidikan keusahawanan yang berteraskan kerohanian mampu membentuk orientasi pelajar ke arah matlamat yang lebih bermakna bukan hanya mengejar keuntungan tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan kelestarian diri. Nilai seperti sabar, amanah dan tawakal memperkukuh dimensi sosial dan spiritual yang akhirnya membentuk ketahanan psikologi dan integriti usahawan.

Selain itu, literatur menunjukkan bahawa kelestarian usahawan siswazah kini merangkumi dimensi lebih luas seperti kecekapan teknologi, daya tindak psikologi dan rangkaian komuniti. Inovasi digital memperkukuh kelestarian ekonomi melalui peningkatan kecekapan, manakala jaringan sosial dan mentor memperkukuh kelestarian sosial. Pada masa yang sama, semakin banyak kajian menekankan kepentingan amalan hijau seperti pengurusan sisa, penggunaan bahan mesra alam dan kecekapan tenaga iaitu elemen penting dalam kelestarian alam sekitar yang semakin relevan terhadap operasi perniagaan kecil.

Secara keseluruhan, sorotan literatur menunjukkan bahawa kelestarian keusahawanan siswazah bersifat holistik dan multidimensi. Usahawan perlu mengintegrasikan strategi ekonomi yang kukuh, hubungan sosial yang beretika serta amalan mesra alam yang bertanggungjawab bagi memastikan kelangsungan perniagaan yang mampan selaras dengan kehendak teori kelestarian dan nilai-nilai Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Temubual mendalam dijalankan bersama enam orang usahawan siswazah muslim yang dipilih melalui persampelan bertujuan berdasarkan kriteria pengalaman melebihi sepuluh tahun dalam perniagaan runcit di Selangor. Kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif bagi mendapatkan kefahaman mendalam tentang pengalaman dan strategi kelestarian perniagaan. Data diperolehi melalui temubual separa berstruktur yang mengekalkan fokus terhadap persoalan kajian sambil memberi ruang kepada peserta kajian untuk berkongsi pandangan dan pengalaman secara bebas. Seterusnya, data temubual dianalisis menggunakan analisis tematik bagi mengenal pasti pola dan tema utama yang menjelaskan faktor-faktor yang menyumbang kepada kelestarian dan daya tahan usahawan siswazah dalam sektor peruncitan halal.

DAPATAN KAJIAN

Perbincangan dapatan kajian dimulakan dengan huraian mengenai demografi peserta kajian, diikuti dengan perbincangan tentang cabaran yang dihadapi oleh usahawan siswazah dalam mengurus dan mengekalkan perniagaan mereka. Seterusnya, faktor-faktor daya tahan yang membantu mereka mengatasi cabaran tersebut diuraikan secara bersepadu dalam setiap perbincangan berkaitan cabaran yang dibentangkan.

Demografi Peserta Kajian

Jadual 1

Demografi Peserta Kajian

Nama Peserta Kajian	Label Temu Bual	Latar Belakang Pendidikan
Khairiah	PK1	Pengurusan
Rosmizan	PK2	Teknologi Maklumat
Syiza	PK3	Perniagaan
Hamidah	PK4	Perniagaan
Noraini	PK5	Ekonomi
Akmal	PK6	Perniagaan

Enam orang usahawan siswazah terlibat sebagai peserta kajian ini, masing-masing dikenal pasti melalui label temu bual PK1 hingga PK6. Peserta terdiri daripada individu yang mempunyai latar belakang pendidikan berbeza namun berkait rapat dengan bidang keusahawanan dan pengurusan perniagaan. Khairiah (PK1) merupakan graduan dalam bidang Pengurusan, manakala Rosmizan (PK2) berkelulusan Teknologi Maklumat, menunjukkan penglibatan peserta daripada bidang teknikal yang turut menceburi dunia peruncitan. Tiga orang peserta iaitu Syiza (PK3), Hamidah (PK4) dan Akmal (PK6) pula mempunyai kelulusan dalam bidang Perniagaan, yang secara langsung membekalkan pengetahuan asas dalam pengurusan, pemasaran dan operasi perniagaan. Sementara itu, Noraini (PK5) berpendidikan dalam bidang Ekonomi, memberikan perspektif yang lebih luas terhadap aspek pengurusan kewangan dan strategi pasaran. Kesemua peserta mempunyai pengalaman lebih daripada sepuluh tahun dalam perniagaan runcit halal di Selangor, menjadikan mereka sumber maklumat yang relevan dan berautoriti dalam menerangkan faktor-faktor kelestarian dan daya tahan usahawan siswazah.

Kajian ini mendapati bahawa usahawan siswazah berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam memastikan perniagaan mereka kekal berdaya tahan dan lestari, khususnya dalam konteks perubahan ekonomi dan sosial pasca pandemik COVID-19. Antara cabaran utama yang dikenal pasti ialah keperluan menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran, keterbatasan modal, peningkatan persaingan serta kebergantungan terhadap faktor luaran seperti permintaan pelanggan dan sokongan komuniti. Namun, dapatan juga menunjukkan bahawa di sebalik cabaran tersebut, terdapat beberapa faktor daya tahan yang membolehkan mereka terus bertahan, antaranya peningkatan jualan semasa pandemik, penggunaan pemasaran digital, sokongan komuniti, pengurusan kewangan berhemat, penekanan terhadap kebersihan premis dan kekuatan spiritual.

Peningkatan Jualan

Ketika pandemik COVID-19, permintaan terhadap perkhidmatan penghantaran meningkat dengan ketara akibat kekangan pergerakan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Akmal (PK6) menjelaskan, “Covid ni *actually* orang kata *is a blessing to us* lah sebab kita punya jualan memang meningkat tinggi... setiap hari akan sibuklah buat penghantaran”, menunjukkan bahawa pandemik telah membuka peluang baharu bagi usahawan kecil. Noraini (PK5) turut menambah, “Waktu PKP tu kedai kami laju sebab orang tak boleh pergi ke pasaraya besar”, menggambarkan peralihan pelanggan kepada kedai kecil yang lebih mudah diakses.

Pemasaran Digital

Perubahan ketara akibat pandemik juga mendorong usahawan untuk mengadaptasi strategi pemasaran digital. Hamidah (PK4) berkata, “Saya baru nak *start* masuk TikTok” manakala Khairiah (PK1) mengakui, “Dulu saya tak terfikir nak buat *marketing online*”, tetapi selepas pandemik beliau menyedari kepentingannya. Syiza (PK3) pula menyatakan, “Saya baru mula buat iklan di Facebook dan Instagram”, sebagai strategi memperkenalkan produk kepada pelanggan lebih luas. Rosmizan (PK2) dan Akmal (PK6) turut memanfaatkan platform digital untuk kekal berhubung dengan pelanggan serta menyesuaikan model perniagaan agar lebih fleksibel.

Sokongan Komuniti

Sokongan komuniti juga muncul sebagai faktor penting dalam membina kelestarian perniagaan. Usahawan seperti Syiza (PK3) berkongsi, “Kami buat CSR macam bagi infak kat surau”, manakala Rosmizan (PK2) menambah, “Kami buat program infak surau kariah saya”. Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan imej perniagaan tetapi juga mengukuhkan hubungan dengan masyarakat setempat. Khairiah (PK1) turut membantu asnaf melalui sistem kupon, sementara Akmal (PK6) aktif menyalurkan sumbangan makanan kepada rumah kebajikan.

Modal Perniagaan

Isu modal kekal sebagai cabaran utama. Noraini (PK5) menjelaskan, “Saya guna modal sendiri. Tak ada pinjaman mana-mana”, manakala Syiza (PK3) mengakui, “Waktu itu saya tak ada modal, banyak bergantung pada kawan”. Walaupun menghadapi kekangan kewangan, mereka menunjukkan daya tahan melalui pengurusan berhemah, bantuan sosial dan strategi penggunaan modal sendiri tanpa kebergantungan tinggi kepada institusi kewangan.

Kebersihan Premis

Daripada sudut pengurusan operasi, kebersihan premis dilihat sebagai nilai tambah yang meningkatkan kepercayaan pelanggan. Rosmizan (PK2) menekankan, “Kebersihan kedai adalah salah satu tarikan pelanggan”, manakala Syiza (PK3) pula menyatakan, “Kedai saya sangat bersih, tiada tikus”. Usahawan memastikan pelupusan sampah teratur dan premis berada dalam keadaan bersih serta mematuhi SOP sebagai strategi menjaga imej perniagaan.

Kebergantungan kepada Allah SWT

Nilai spiritual dan kebergantungan kepada Allah SWT menjadi teras utama daya tahan usahawan. Rosmizan (PK2) berkata, “Melalui istighfar itu Allah akan memudahkan dan membuka setiap jalan”, manakala Syiza (PK3) menegaskan, “Saya meletakkan keyakinan, perniagaan saya berjaya memang datang daripada Allah”. Khairiah (PK1) menambah, “Saya yakin rezeki itu datang dari Allah, bukan hanya melalui usaha semata-mata”, dan Akmal (PK6) mengamalkan solat dhuha serta zikir pagi sebagai sumber kekuatan rohani.

Secara keseluruhan, penekanan terhadap peningkatan jualan, pemasaran digital, sokongan komuniti, pengurusan modal, kebersihan premis dan kebergantungan kepada Allah SWT menunjukkan bahawa usahawan siswazah mampu beradaptasi dengan perubahan serta mengekalkan kelangsungan perniagaan walaupun berdepan cabaran besar. Faktor daya tahan mereka bukan sahaja berpaksikan strategi komersial tetapi juga didorong oleh nilai spiritual, jaringan sosial dan integriti perniagaan yang tinggi.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Analisis dapatan kajian menunjukkan bahawa kelestarian keusahawanan siswazah terbina melalui gabungan pelbagai dimensi yang saling melengkapi. Selaras dengan Teori Kelestarian, tiga dimensi utama iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar membentuk asas ketahanan jangka panjang perniagaan. Usahawan siswazah Muslim dalam kajian ini bukan sahaja menekankan keuntungan dan kecekapan operasi tetapi turut memperlihatkan komitmen terhadap nilai kemasyarakatan, amalan kerohanian dan penjagaan persekitaran. Satu dimensi iaitu dimensi spiritual didapati berinteraksi secara sinergi dengan tiga dimensi asas membentuk daya tahan holistik. Oleh itu, elemen kelestarian berikut diuraikan secara terperinci bagi menunjukkan bagaimana setiap usahawan mengintegrasikan prinsip-prinsip ini dalam amalan keusahawanan mereka.

Kelestarian Ekonomi: Daya Tahan dan Inovasi Semasa Pandemik

Hasil kajian menunjukkan bahawa peningkatan jualan semasa pandemik COVID-19 berpunca daripada perubahan keperluan pelanggan dan keupayaan usahawan menyesuaikan strategi pemasaran. Permintaan tinggi terhadap perkhidmatan penghantaran menjadi peluang baharu yang meningkatkan pendapatan, seperti yang dijelaskan oleh Akmal (PK6) dan Noraini (PK5) bahawa pandemik menjadi "berkat" kepada perniagaan mereka.

Menurut Bagis (2022), keusahawanan lestari dicirikan oleh kemampuan menyesuaikan diri terhadap perubahan pasaran serta kecekapan dalam menguruskan sumber bagi menjamin kelangsungan jangka panjang. Dalam konteks ini, usahawan siswazah menunjukkan ketahanan untuk bertahan dan berkembang walaupun ketika berhadapan dengan krisis.

Transformasi kepada pemasaran digital menjadi bukti jelas kepada kebolehan mereka beradaptasi dengan persekitaran baharu. Penggunaan platform seperti Facebook, Instagram dan TikTok bukan sahaja memperluas capaian pelanggan tetapi juga mengurangkan kebergantungan kepada kaedah konvensional. Inovasi digital merupakan pemangkin kepada kelestarian perniagaan kecil dalam ekonomi moden. Oleh itu, strategi digitalisasi bukan sekadar langkah taktikal tetapi satu bentuk inovasi lestari yang membantu usahawan siswazah kekal berdaya saing dalam ekosistem keusahawanan baharu.

Kelestarian Sosial: Sokongan Komuniti dan Amalan Kebajikan

Dapatan menunjukkan bahawa sokongan komuniti dan amalan tanggungjawab sosial memainkan peranan penting dalam memastikan kelangsungan perniagaan. Usahawan seperti Syiza (PK3) dan Khairiah (PK1) menjelaskan bagaimana mereka mengamalkan sumbangan kepada surau, rumah kebajikan dan golongan asnaf melalui infak dan program makanan.

Dalam kerangka Teori Kelestarian, dimensi sosial menekankan kesejahteraan komuniti dan hubungan sosial sebagai asas kelangsungan (Rosário et al., 2022). Usahawan yang terlibat secara aktif dalam aktiviti komuniti bukan sahaja memperkukuh jaringan sosial tetapi juga membina reputasi dan kepercayaan pelanggan iaitu dua elemen penting dalam kelestarian jangka panjang.

Dapatan ini selari dengan pandangan Singh dan Awasthy (2025) bahawa usahawan lestari menggunakan aktiviti sosial untuk membina ekosistem yang saling menyokong antara perniagaan dan masyarakat. Di Malaysia, nilai seperti infak dan sumbangan kepada ummah

menjadi sebahagian daripada budaya keusahawanan Islamik yang menekankan keseimbangan antara keuntungan dan tanggungjawab sosial (Nordin et al., 2024; Ukil et al., 2025). Justeru, sokongan komuniti bukan sahaja meningkatkan keberkesanan perniagaan tetapi juga menyuburkan semangat gotong-royong dan empati sosial.

Kelestarian Alam Sekitar: Penekanan terhadap Kebersihan

Walaupun tidak dinyatakan secara langsung dalam konteks alam sekitar, dapatan berkaitan kebersihan premis dan pengurusan sisa menggambarkan kesedaran terhadap aspek kelestarian persekitaran. Rosmizan (PK2) menegaskan bahawa kebersihan kedai menjadi “tarikan pelanggan”, dan memastikan pelupusan sampah dilakukan secara sistematik. Menurut Rosário et al. (2022) aspek persekitaran adalah komponen penting dalam kelestarian, termasuk penjagaan kebersihan, pengurangan sisa dan amalan hijau dalam operasi harian. Dalam konteks usahawan kecil, kebersihan premis bukan sekadar isu estetika tetapi juga mencerminkan tanggungjawab sosial terhadap kesihatan awam dan alam sekitar.

Kelestarian Spiritual: Pergantungan kepada Allah dan Nilai Keagamaan

Salah satu dapatan penting kajian ini ialah penekanan terhadap amalan kerohanian dalam kehidupan usahawan. Solat dhuha, zikir, istighfar dan kebergantungan kepada Allah SWT dianggap sumber kekuatan dalaman dan ketenangan jiwa ketika menghadapi cabaran. Rosmizan (PK2) menegaskan bahawa “melalui istighfar itu Allah akan memudahkan dan membuka setiap jalan”, manakala Syiza (PK3) mengakui bahawa kejayaan perniagaannya berpunca daripada pergantungan penuh kepada Allah SWT.

Aspek ini memperluas kerangka Teori Kelestarian dengan menambah dimensi kelestarian spiritual iaitu keseimbangan antara usaha duniawi dan ketenangan rohani. Menurut Tahir et al. (2024), elemen spiritual dalam keusahawanan Islam bukan sahaja membentuk etika dan integriti tetapi juga menjadi sumber motivasi dalaman untuk terus bertahan dalam tekanan ekonomi. Dalam konteks ini usahawan siswazah menggabungkan strategi perniagaan dengan nilai-nilai keagamaan, menjadikan perniagaan mereka bukan hanya alat mencari rezeki tetapi juga satu bentuk ibadah dan tanggungjawab sosial.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menyokong dan memperluas kerangka Teori Kelestarian dengan memperkenalkan elemen spiritual sebagai dimensi keempat dalam konteks keusahawanan siswazah Malaysia. Pandemik COVID-19 menjadi pemangkin kepada perubahan struktur dan nilai dalam keusahawanan daripada model berorientasikan keuntungan kepada model berasaskan keseimbangan nilai (balanced value entrepreneurship). Usahawan siswazah dalam kajian ini bukan sahaja berdaya tahan daripada segi ekonomi, tetapi juga menunjukkan komitmen terhadap kesejahteraan sosial, kebersihan persekitaran dan nilai rohani. Oleh itu, kajian ini mengukuhkan hujah bahawa kelestarian sebenar hanya dapat dicapai apabila elemen ekonomi, sosial, persekitaran dan spiritual diintegrasikan secara seimbang dalam amalan keusahawanan.

Impak kajian ini amat signifikan khususnya kepada pembuat dasar, institusi pendidikan dan ekosistem sokongan keusahawanan. Pertama, penemuan mengenai elemen spiritual membuka ruang kepada pembangunan modul latihan keusahawanan yang lebih holistik dan relevan dengan realiti usahawan siswazah tempatan. Kedua, kajian ini membantu kerajaan merangka inisiatif sokongan pasca-pandemik yang lebih bersifat menyeluruh, dengan mengambil kira

bukan sahaja bantuan ekonomi tetapi juga sokongan komuniti dan nilai insaniah. Ketiga, dapatan ini menyediakan asas kukuh untuk membangunkan kerangka kelestarian usahawan siswazah yang boleh dijadikan rujukan oleh agensi pembangunan usahawan, khususnya dalam sektor peruncitan. Kajian ini sekaligus menyumbang kepada literatur tempatan dengan menawarkan perspektif baharu mengenai kelestarian keusahawanan yang lebih seimbang, berakar pada nilai, dan sesuai dengan konteks Malaysia.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada semua peserta kajian yang telah sudi meluangkan masa serta berkongsi pengalaman, pandangan dan kisah sebenar perjalanan perniagaan mereka sepanjang proses temu bual dijalankan. Sumbangan ikhlas dan keterbukaan mereka dalam berkongsi maklumat amat bermakna dalam menjayakan penyelidikan ini. Kajian ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan PhD penulis dan tidak dibiayai oleh mana-mana geran penyelidikan, sebaliknya dijalankan atas inisiatif sendiri demi memperkayakan kefahaman tentang cabaran dan faktor daya tahan usahawan siswazah dalam sektor peruncitan halal di Selangor.

RUJUKAN

- Abdul Rahman, M. Z., & Yamaludin, S. M. (2025). Pengukuhan ekonomi masyarakat melalui sistem perbankan dan kewangan Islam dalam mengatasi kemiskinan secara multidimensi. *e-BANGI Journal*, 22(3). <http://doi.org/10.17576/ebangi.2025.2203.17>
- Amaran, M. A., & Hamzah, M. S. (2021). Faktor penglibatan, ciri personaliti dan cabaran usahawan siswazah dalam bidang keusahawanan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(10), 207–216. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i10.1158>
- Bagis A. A. (2022). Building students' entrepreneurial orientation through entrepreneurial intention and workplace spirituality. *Heliyon*, 8(11). <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2022.e11282>
- Natasya Farhana Nazry, & Jabil Mapjabil. (2021). Resilien dan cabaran usahawan pelancongan skala mikro dan kecil: Satu analisis konseptual. *E-Proceeding of International Conference of Languages, Education and Tourism (ICLET) 2021*.
- Nooriah Yusof, & Zakiah Jamaluddin. (2017). Pembangunan kebolehpasaran siswazah: Tindakan universiti dan cabaran yang dihadapi. *Jurnal Personalita Pelajar*, 20(1), 15–32.
- Nordin, S. N., Adham, K. A., & Johari, F. (2024). Challenges faced by social entrepreneurs in Malaysia: Navigating barriers to growth and sustainability. *Global Business & Management Research*, 16.
- Omar, S. S., & Hassan, S. A. (2024). Implikasi pandemik Covid-19 terhadap golongan belia Islam di Malaysia: The implications of the Covid-19 pandemic on Muslim youth in Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 25(1), 66–75. <https://doi.org/10.37231/jimk.2024.25.1.792>
- Rahman, R. A., Noor, H. M., & Ramli, A. M. (2021). Cabaran dan kelangsungan pengusaha makanan kecil dalam pandemik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(12), 13–23. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i12.1206>
- Rosário, A. T., Raimundo, R. J., & Cruz, S. P. (2022). Sustainable entrepreneurship: A literature review. *Sustainability*, 14(9), 5556. <https://doi.org/10.3390/su14095556>

- Saiman, M. Z. B. (2022). Analisis kajian faktor dan punca pengangguran di Malaysia: Sorotan tinjauan dari tahun 2010-2020. *Kuala Lumpur, Malaysia, 15 January 2022*, 123-132.
- Singh, D., & Awasthy, R. (2025). Spirituality in social entrepreneurship: An ethical approach to sustainability. *Social Enterprise Journal*, 21(3), 492–518. <https://doi.org/10.1108/SEJ-05-2024-0083>
- Tahir, H. M., Salleh, M. S., Seman, A. S., Omar, M., Aborashang, J., & Mustapha, N. (2024). Prospects and perspectives: Personal context shaping growth intentions in graduate entrepreneurship across Malaysia. *International Journal of Religion*, 5(10), 2199–2208. <https://doi.org/10.61707/8fhh7086>
- Ukil, M. I., Almashayekhi, A., Islam, M. M., & Arslan, A. (2025). The role of spiritual role models in shaping social entrepreneurial intention: A cross-country analysis. *Journal of Social Entrepreneurship*, 1–23. <https://doi.org/10.1080/19420676.2025.2514609>